

SIARAN AKHBAR

UNTUK SIARAN SEGERA

Minggu Keusahawanan dan PKS 2019 Sabah Perkasakan Usahawan Wanita

Tawau, 2 Ogos 2019 – Minggu Keusahawanan dan PKS 2019 peringkat negeri Sabah dianjurkan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah dan *Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA)* mulai 2–4 Ogos 2019 di Eastern Plaza, Tawau untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan PKS dan memupuk budaya keusahawanan di kalangan masyarakat. Program ini juga merupakan satu pengiktirafan kepada usahawan PKS yang menjadi nadi utama dalam pembangunan ekonomi negara. Sejajar dengan usaha kerajaan untuk memperkasakan usahawan wanita, SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Mompreneur Asia menganjurkan program *Business Networking* bersempena Minggu Keusahawanan dan PKS 2019 peringkat negeri Sabah. Program ini bertujuan untuk membantu usahawan wanita terutama golongan suri rumah yang mempunyai bakat dan minat untuk bermula. Program ini berkonsepkan *Meet and Greet* usahawan Sabah bersama YB Tuan Azhar Datuk Haji Matussin, Pembantu Menteri Kementerian Perdagangan dan Industri Sabah. Mompreneur Asia yang telah dilancarkan di Kota Kinabalu pada Januari lalu, berperanan dalam memberi latihan dan bimbingan serta menyediakan persekitaran kondusif kepada golongan suri rumah untuk menjadi usahawan yang berjaya. Komuniti ini juga mendorong usahawan wanita untuk lebih berdaya saing dan mengaplikasikan pelbagai platform bagi memasarkan produk dan perkhidmatan mereka serta mampu bersaing di pasaran.

Majlis perasmian Minggu Keusahawanan dan PKS 2019 peringkat negeri Sabah telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, Timbalan Ketua Menteri / Menteri Perdagangan dan Perindustrian diiringi oleh Encik Noor Azmi Mat Said, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia. Masih lagi mengekalkan tema ‘Mula Berdikit, Azam Melangit’, Minggu Keusahawanan dan PKS yang dianjurkan sejak tahun 2012 menampilkan 36 gerai pameran dan menyasarkan 3,000 pengunjung pada tahun ini. Selain daripada gerai jualan dan pameran,

pelbagai aktiviti telah dirancang bagi menyuntik semangat keusahawanan seperti sesi *pocket talk* dan sesi padanan perniagaan dengan pasaraya besar. Penglibatan daripada kementerian dan agensi berkaitan juga memberi peluang kepada PKS untuk mendapatkan informasi terkini mengenai bantuan kewangan dan program-program pembangunan PKS. Di samping itu, pengunjung juga berpeluang untuk bertemu dengan usahawan selebriti kelahiran Sabah iaitu Salma Asis, selebriti yang lahir daripada Program Mentor semasa sesi *Celebrity Talk*.

Program Jejak PKS turut diadakan bagi memberi peluang kepada usahawan PKS tempatan untuk mempromosikan dan memberi pendedahan kepada umum mengenai produk dan perkhidmatan serta amalan perniagaan terbaik PKS yang dilawati. Program Jejak PKS peringkat negeri Sabah tahun ini mengenangkan syarikat bakeri iaitu Estrella's Homemade Café. Syarikat ini ditubuhkan pada tahun 2013 dan terletak di lokasi strategik di Bandar Fajar, Tawau. Berbekalkan modal permulaan sebanyak RM50,000, syarikat mengeluarkan produk seperti roti dan kek untuk pelbagai acara, pencuci mulut dan minuman seperti *boba fresh milk*, *smoothie* dan jus buah-buahan. Syarikat ini juga pernah menerima geran peningkatan kapasiti dan keupayaan di bawah *Business Accelerator Programme (BAP)* kelolaan SME Corp. Malaysia dan merupakan salah satu usahawan tempatan yang berjaya dan menjadi contoh kepada usahawan lain. Program Jejak PKS ini disempurnakan oleh YB Tuan Azhar Datuk Haji Matussin, Pembantu Menteri Kementerian Perdagangan dan Industri Sabah.

- TAMAT -

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Encik Muhamad Hamdi Salleh di talian 088-447373 / 7374 atau emel – hamdi@smeCorp.gov.my atau Puan Herni Munir dan Encik Adi Zahrain Ahmad Shariffudin di talian yang sama atau emel – herni@smeCorp.gov.my / adi@smeCorp.gov.my

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA

(SME CORP. MALAYSIA)

SME Corp. Malaysia (Sabah)

Lot D6.6, Tingkat 6, Blok D

Bangunan KSWP

88100 Kota Kinabalu

SABAH

Tel : 088-447373 / 7374
Fax : 088-447372
E-mail : info@smecorp.gov.my
Website : www.smecorp.gov.my

SME Corp. Malaysia

- SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.